



PEKELILING PEJABAT BENDAHARI BIL. 6 TAHUN 2010

**PENGGUNAAN KADAR BARU ELAUN BASIKAL
DAN MEWUJUDKAN ELAUN MOTOSIKAL**

**PEJABAT BENDAHARI
1 JULAI 2010**

Ruj. Kami: UTM.J.03.03/10.12/3 Jld. 2 (53)
Tarikh : 1 Julai 2010

Timbalan Naib Canselor (A & A)
Timbalan Naib Canselor (P & I)
Timbalan Naib Canselor (HEP & Alumni)
Dekan/Pengarah
Ketua Bahagian/Jabatan
Universiti Teknologi Malaysia

PEKELILING PEJABAT BENDAHARI BIL. 6 TAHUN 2010

**PENGUNAAN KADAR BARU ELAUN BASIKAL
DAN MEWUJUDKAN ELAUN MOTOSIKAL**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan penggunaan Kadar Baru Elaun Basikal dan mewujudkan Elaun Motosikal di Universiti Teknologi Malaysia selaras dengan Pekeling yang telah dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Universiti telah menerima pakai Pekeling Perbendaharaan (PP) Bil 3 Tahun 2003 tentang Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi

(Tidak Termasuk Anggota Tentera Dan Anggota Polis) yang melibatkan pembayaran kepada staf dan pegawai Universiti. PP ini termasuk pembayaran Elaun Basikal yang layak kepada staf yang dikehendaki oleh Ketua Jabatan untuk menggunakan basikal sendiri bagi menjalankan tugas rasmi.

- 2.2 Pada 19 Mei 2009, Ketua Setiausaha Perbendaharaan telah mengeluarkan Surat Arahan rujukan K/BP/DS10/791/441/6(s.k.1/2009)(3) mengenai Semakan Kadar Elaun Basikal Di Bawah Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 Dan Pengwujudan Elaun Motosikal.

3.0 KADAR DAN SYARAT

3.1 Elaun Basikal

3.1.1 Seseorang pegawai yang dikehendaki oleh Ketua Jabatan menggunakan basikal sendiri bagi menjalankan tugas rasmi adalah layak menuntut Elaun Basikal mengikut kadar seperti berikut:-

- a) menggunakan basikal melebihi 10 hari bagi bulan itu RM70.00 sebulan atau 20 sen satu km mengikut mana lebih tinggi
- b) menggunakan basikal melebihi 10 hari bagi bulan itu 20 sen satu km

3.2 Elaun Motosikal

3.2.1 Elaun Motosikal diwujudkan dengan kadar dan syarat seperti berikut:

- a) Pegawai yang menggunakan motosikal sendiri semasa bertugas rasmi 12 hari atau lebih dalam sebulan boleh menuntut Elaun Motosikal sebanyak RM 120.00 sebulan atau menggunakan kadar Elaun Perjalanan Kenderaan mengikut mana yang lebih tinggi; dan
- b) Pegawai yang menggunakan motosikal sendiri semasa bertugas rasmi kurang daripada 12 hari hendaklah membuat tuntutan mengikut kadar Elaun Perjalanan Kenderaan yang sedang berkuatkuasa.

- 3.3 Staf perlu menyediakan jadual perjalanan yang disahkan oleh Pegawai Penyelia.

- 3.4 Seseorang pegawai yang menggunakan basikal/motorsikal yang disediakan oleh Pihak Universiti atau Penganjur semasa menjalankan tugas rasmi tidak layak menuntut Elaun Basikal/ Motorsikal.
- 3.5 Selaras dengan Perbelanjaan Berhemat Universiti, adalah dinasihatkan setiap PTJ membenarkan hanya seorang staf membuat tuntutan setiap bulan.
- 3.6 Dekan/Pengarah/Ketua PTJ adalah bertanggungjawab untuk memastikan tuntutan Elaun Basikal/Motorsikal adalah teratur, munasabah dan berpatutan serta mengawal perbelanjaan tuntutan berkenaan.

4.0 TARIKH KUATKUASA

- 4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Julai 2010.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH'



SHARIFAH 'ALWIAH BINTI SYED ALWI

Pemangku Bendahari

1 Julai 2010